

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

SEJARAH

Mata Pelajaran dan Kelas	Sejarah Tingkatan 4
Tema/Tajuk	Tamadun Awal di Asia Tenggara
Masa	8.40 – 9.40
Objektif	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid akan dapat: <ol style="list-style-type: none">i. Menerangkan bentuk kerajaan agraria dan maritimii. Menyenaraikan ciri kerajaan agraria dan maritim.iii. Membuat empat perbandingan antara kerajaan agraria dan maritim.
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none">1. Guru memaparkan teka kata yang disediakan dalam manila kad yang mengandungi nama-nama kerajaan agraria dan maritim secara rawak.2. Pelajar diminta untuk menyusun huruf mencari nama kerajaan yang sebenar.3. Pelajar mengaitkan kerajaan tersebut dengan tajuk PdP dengan membezakan kerajaan maritim dan agraria melalui paparan gambar-gambar artifak berkaitan kerajaan agraria dan maritim4. Guru meminta dua orang pelajar melakonkan watak berdasarkan dialog yang disediakan5. Berdasarkan lakonan tadi guru meminta pelajar mengenalpasti persamaan kerajaan agraria dan maritim melalui peta i think (peta buih berganda)
EMK	Nilai murni : menghargai bahan Sejarah, bersyukur, bertanggungjawab KPS : mengetahui dan mengenali elemen asal usul Kerajaan Melayu Awal TMK : belajar melalui TMK
Bahan Bantu Belajar	<ol style="list-style-type: none">1. Komputer, LCD2. Skrip dialog3. Bahan muzium : alat memerah tebu, alat lesung batu, alat lesung kaki dan tangan, batu giling, perahu sagor, perahu layar, alat sukat, mata wang kerajaan Melayu

DIALOG

Masa : Waktu pagi
Tempat : Pasar Sehari di negeri Temasik

Pakcai : Rupamu macam ku kenal tapi di mana ya...

Dino : Ehhh! Pakcai tuan hamba rupanya. Aku kan Dino sahabat lama tuan hamba.

Pakcai : Macam mana tuan hamba boleh sampai di sini?

Dino : Pakcai! tuan hamba apa khabar?

Pakcai : Aku biasa-biasa saja, sihat. Apa tuan hamba lakukan sekarang

Dino : Sudah 9 purnama hamba tinggal di persisiran pantai Srivijaya. Hamba bekerja menangkap ikan dan memungut pelbagai jenis hasil laut. Sekiranya tidak ke laut hamba membuat kapal dan perahu memandangkan pelabuhan Srivijaya merupakan sebuah pelabuhan entrepot yang maju di Selat Melaka.

Pakcai : Oh! Begitu hamba pula tinggal di sebuah kawasan pertanian yang subur iaitu di Angkor. hamba menanam padi di kawasan Tasik Tonle Sap, selain itu aku turut menanam buah-buahan, sayur-Sayuran, memungut hasil hutan dan menternak haiwan.

Dino : Jadi suburlah kawasan tu ya?

Pakcai : Betul kata tuan hamba malah raja turut terlibat dalam pembinaan sistem pengairan.

Dino : Di tempat hamba juga sibuk. Sebagai pelabuhan entrepot kerajaan Srivijaya berfungsi sebagai pusat mengumpul barang dagangan dari kawasan sekitar. Jadi ramailah pedagang asing di sana.

Pakcai : Bagaimana pemerintahan ditempat tuan hamba?

Dino : Masih macam di sini juga maklumlah kita kan sama-sama dipengaruhi amalan Hindu-Buddha, Raja kita sama-sama berkuasa mutlak.

Pakcai : Malah kekuatan tentera kita sama seimbang malah kita sebenarnya saling bergantung antara satu sama lain. Baiklah tuan hamba minta permisi dulu mahu jumpa saudara hamba dihulu sana. Jumpa lagi ya!

Dino : Baiklah kapal ku sudah mahu belayar. Daaaa!